

Taman Tanah Putih Baru dikenakan PKPD mulai Rabu

Oleh [Nor Azizah Mokhtar](#) - Mei 3, 2021 @ 5:47pm

bhnews@bh.com.my



- Hiasan

KUALA LUMPUR: Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di Taman Tanah Putih Baru, Kuantan, Pahang selama 14 hari bermula Rabu ini selepas 11 kes positif COVID-19 direkodkan dalam kalangan penduduk.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata 11 kes positif yang direkodkan itu adalah daripada 40 ujian saringan yang dilakukan ke atas penduduk di taman perumahan itu.

"Kementerian Kesihatan (KKM) juga mengesahkan berlaku penularan kes di lokaliti terbabit selain terdapat 29 sampel ujian saringan masih menunggu keputusan.

"Selepas membuat penilaian risiko dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Tanah Putih Baru berkuat kuasa 5 Mei (Rabu) sehingga 18 Mei ini," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Ismail Sabri berkata pelaksanaan PKPD ini adalah untuk memastikan penduduk di taman perumahan yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan dan tidak menjangkiti komuniti di luar.

"Pada masa sama, ia membolehkan KKM menjalankan pengesanan awal kes disyaki COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

"Prosedur operasi standard (SOP) PKPD sama seperti diumumkan sebelum ini dan boleh dirujuk di laman sesawang MKN iaitu <https://www.mkn.gov.my>." katanya.

Sementara itu katanya, PKPD di lima lokaliti di Hulu Besut, Besut, Terengganu dan Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Qiraat, Machang, Kelantan, ditamatkan esok.

Beliau berkata, PKPD di Kampung Belaoh, Kampung PPRT Belaoh Baru, Kampung Keruak, Kampung Pak Sik dan FELCRA Keruak, Hulu Besut ditamatkan mengikut tarikh dijadualkan esok.

"Sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD, KKM melakukan 2,468 ujian saringan, 107 daripadanya positif COVID-19.

"KKM memaklumkan trend kes menurun dan kluster terkawal manakala kes terakhir direkodkan pada 20 April lalu iaitu empat kes," katanya.

Katanya lagi, semua kes positif dirawat manakala semua kontak rapat tamat tempoh pemantauan selama 14 hari.

Dalam pada itu, katanya PKPD Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Qiraat turut ditamatkan esok mengikut tarikh dijadualkan.

"Sepanjang tempoh PKPD, KKM melakukan 530 ujian saringan dan 315 daripadanya disahkan positif COVID-19.

"KKM mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster terkawal dengan kes terakhir direkodkan pada 30 April lalu iaitu 16 kes," katanya.